

ABSTRACT

This study aims at identifying the linguistic means that are employed in Bahasa Melayu (Malay) when performing speech acts that are intrinsically face-threatening. To this end, the concepts of face and politeness as originally proposed by Brown and Levinson (1978, 1987) and as elaborated and revised by O'Driscoll (1996) are adopted and assumed to operate in Malay society. Essentially, polite linguistic behaviour (*berbudi-bahasa*) is a means of addressing face or *air muka* in this society. There are three types of face which can be addressed in a communicative setting. These are positive face, negative face, and culture-specific face. In face-to-face talk, attention to positive face involves recognizing an individual's need to make contact with others and to belong while attention to negative face involves recognizing one's need to avoid contact and to be independent. Positive and negative face are universal concepts since they are derived from positive and negative wants, respectively; these wants exist in the background of consciousness. The constituents of culture-specific face, on the other hand, are specific to a culture. They are based on what the people of a particular culture judge as good or bad, i.e. this face type is culturally-determined.

Based on the above-mentioned assumptions, this study examines the politeness strategies that are used in Malay, specifically colloquial Malay of the 1960s when (i) making offers and requests and (ii) responding to offers and requests. Therefore, this study does not only examine single acts; it moves beyond the

boundary of individual acts in its examination of how responses to offers and requests are organized in discourse. The speech acts “offer” and “request” are selected for study because these acts threaten a hearer’s negative face (the focus of this study is on the hearer and on addressing his negative-face wants). In addition, these acts, all things being equal, are at opposite ends on the scale of imposition; offers are considered low in imposition while requests are high in imposition. The data used in this study are obtained from ten Malay plays written in the 60s that depict Malay society dealing with family and societal issues. The language used in these plays lends itself to this politeness study since it typifies that of dyadic interaction. The sociological variables of relative power(P), social distance(D), and rank of imposition(R_x), as conceptualized by Brown and Levinson (1978, 1987) and defined in terms of culture-specific dimensions, are treated as the predictor variables that would determine the choice of a politeness strategy. Essentially, this study examines the effects of PxD interaction on the choice of strategy when performing and responding to offers and requests.

The findings from this study showed that there was a general tendency to address positive face more than negative face. This was reflected in the choice of strategy made by speakers with high P. Analysis of the politeness strategies also showed the use of a mixture of strategies when performing a single FTA, i.e. linguistic elements of one strategy was present in another strategy. Such a choice was seen as a means of simultaneously addressing the social variables and the speaker’s attitude (e.g. a show of sincerity when making an offer). This study also discussed

the conventionalized forms for offers and requests and the component parts that rendered these forms as direct or explicit yet polite realizations of the speech acts studied.

These preliminary findings suggest that in colloquial Malay of the 1960s attention to positive face as shown by individuals with high P could be due to the strong tie between people in the same social unit such as parent-child and employer-employee. Also, the show of sincerity that is encoded in bald or direct offers is a form of culture-specific face; sincere acts are judged as praiseworthy and thus lead to the bestowal of a 'good' face. The extent to which (if any) these types of face (negative face included) motivate the use of politeness in the present Malay society will require examination of 'real' talk occurring in 'real' time. It is hoped that this study into what and how linguistic devices are used in Malay to encode politeness and consequently, what these strategies suggest about politeness and face considerations in Malay society can serve as a starting point.

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan mengenalpasti aspek linguistik yang digunakan dalam Bahasa Melayu semasa melakukan lakuan pertuturan yang bersifat mengugut air muka. Bagi tujuan ini, konsep air muka dan kesantunan seperti yang diutarakan oleh Brown dan Levinson (1978, 1987) dan seperti yang dikembangkan dan diolahsemula oleh O'Driscoll(1996) telah diserap dan diterima berfungsi dalam masyarakat Melayu. Pada dasarnya, berbudi bahasa merupakan satu cara memaparkan air muka dalam masyarakat Melayu. Terdapat tiga jenis air muka yang boleh diberi perhatian dalam satu latar belakang komunikasi. Ini ialah air muka positif, air muka negatif dan air muka khusus-budaya. Dalam perbualan muka ke muka, perhatian pada air muka positif melibatkan pengiktirafan keperluan seorang individu untuk bersekutu dan berhubung dengan orang lain manakala perhatian pada air muka negatif melibatkan pengiktirafan keperluan seseorang untuk berdikari dan mengelak dari hubungan dengan orang. Air muka positif dan negatif bersifat sejagat kerana ia berpunca dari keperluan positif dan negatif; dua keperluan ini terletak di tahap pra-sedar. Unsur-unsur air muka khusus-budaya pula adalah khusus pada budaya tersebut. Ia berdasarkan apa yang dianggap baik atau buruk oleh manusia sesebuah budaya; air muka jenis ini ditentukan oleh budaya.

Berdasarkan andaian yang dibuat di atas, penyelidikan ini mengkaji realisasi linguistik strategi kesantunan yang digunakan dalam Bahasa Melayu, khususnya Bahasa Melayu basahan yang digunakan pada tahun 60an, apabila (i) membuat

penawaran dan permintaan dan (ii) memberikan respon terhadap penawaran dan permintaan. Lakuan pertuturan 'penawaran' dan 'permintaan' dipilih untuk kajian kerana lakuan ini mengugut air muka negatif seseorang pendengar (fokus penyelidikan ini adalah pada pendengar dan kemahuan air muka negatifnya). Malah pada tahap yang sama, lakuan ini berada pada hujung skala yang bertentangan; penawaran boleh dikatakan berada pada kedudukan rendah manakala permintaan berada pada kedudukan tinggi. Data yang digunakan dalam penyelidikan ini diperoleh daripada sepuluh buah drama Melayu yang ditulis dalam tahun 60an dan yang berlatarkan masyarakat Melayu menangani isu-isu kekeluargaan dan masyarakat. Bahasa yang digunakan dalam drama-drama ini sesuai dengan kajian kesantunan ini memandangkan ia melambangkan interaksi *dyadic*. Pemboleh ubah sosiologi kuasa relatif(P), jarak sosial(D) dan susunan kedudukan(R_x), seperti yang telah dikonsepsikan dan dijelaskan oleh Brown dan Levinson (1978, 1987) dari segi dimensi budaya-spesifik adalah dianggap sebagai peramal pemboleh ubah yang menentukan pilihan strategi kesantunan. Pada dasarnya, penyelidikan ini mengkaji kesan interaksi PxD dalam pilihan strategi apabila melakukan dan memberikan respon terhadap penawaran dan permintaan.

Hasil daripada penyelidikan ini menunjukkan kecenderungan umum memaparkan air muka positif lebih daripada air muka negatif. Hal ini dapat dilihat melalui pilihan strategi yang dibuat oleh penutur dengan P tinggi. Analisis strategi kesantunan juga menunjukkan penggunaan strategi campuran apabila melakukan FTA tunggal, contohnya, unsur linguistik satu strategi hadir dalam strategi lain.

Pilihan sedemikian dilihat sebagai cara serentak memaparkan pemboleh ubah sosial dan sikap penutur (contohnya keikhlasan yang ditunjukkan semasa membuat penawaran). Penyelidikan ini juga membincangkan bentuk-bentuk lazim bagi penawaran dan permintaan serta bahagian-bahagian komponen yang memaparkan bentuk-bentuk ini sebagai tersurat atau eksplisit tetapi bersantun.

Dapatan awal mendapati bahawa perhatian pada air muka positif yang ditunjukkan oleh individu dengan P tinggi dalam penggunaan Bahasa Melayu basahan tahun 60an mungkin disebabkan oleh jalinan erat di antara mereka yang berada dalam satu unit sosial yang sama seperti ibu-anak dan majikan-pekerja. Paparan keikhlasan yang terkandung dalam penawaran langsung merupakan satu bentuk air muka khusus-budaya; lakuan yang ikhlas dipuji dan diberi air muka yang 'baik'. Kajian yang melibatkan perbualan 'nyata' diperlukan untuk menentukan sejauh mana jenis-jenis air muka ini (termasuk air muka negatif) membangkitkan kesantunan dalam masyarakat Melayu kini. Penyelidikan ini tentang apa dan bagaimana unsur linguistik digunakan dalam Bahasa Melayu untuk mengenkod budi bahasa dan seterusnya gambaran tentang budi bahasa dan pertimbangan air muka dalam masyarakat Melayu diharap dapat dijadikan sebagai permulaan.